

NO KAD PENGENALAN

						-			-			
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Nama Murid :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2026

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab **Semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah di buat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas ini mengandungi **19** halaman bercetak

- 1 Pernyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kewangan
- D Perakaunan Pengurusan

- 2 Berikut merupakan ciri-ciri aset.

- Hayat penggunaan lama
- Tahap kecairan rendah

Apakah aset tersebut?

- A Inventori
- B Pelaburan
- C Alatan pejabat
- D Simpanan tetap

3 Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan.

X	Y
Pemilik membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri


Apakah kesan urus niaga X dan Y terhadap Akaun Modal?

	X	Y
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang
D	Berkurang	Bertambah

4 Pilih padanan yang betul bagi dokumen dan urus niaganya?

	Dokumen	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai
C	Keratan cek	Bukti penerimaan tunai
D	Nota debit	Pulangan barang niaga

5 Rajah berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.



Apakah Q?

- A Memo
- B Bil Tunai
- C Slip Bank
- D Sebut Harga

6 Buku Tunai Runcit Syarikat Fahrin Sdn. Bhd. memberikan maklumat berikut.

Tarikh	Butiran	Folio	Penerimaan RM	Pembayaran RM	Analisis Pembayaran RM	
					Alat tulis	Pos
2026						
Mei 1	Bank		200			
7	Surat berdaftar			15		15
13	Pen dan pensel			70	70	
25	Kertas A4			30	30	
			200	115	100	15
31	Baki h/b			85		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang akan diterima daripada ketua juruwang mengikut sistem panjar pada bulan berikutnya?

- A RM 85
- B RM 115
- C RM 200
- D RM 315

7

Perniagaan Annisa membeli alatan pejabat secara tunai daripada MS Office Supplies Sdn. Bhd.

Akaun yang manakah akan dikreditkan?

- A Tunai
- B Belian
- C Alatan Pejabat
- D MS Office Supplies Sdn. Bhd.

8 Akaun berikut diambil daripada rekod sebuah perniagaan.

Akaun Jualan				
		2026	RM	
		Feb. 1	Baki b/b	4 580
		28	Akaun Belum Terima	17 820

Angka RM17 820 diperoleh daripada

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Penerimaan Tunai

9 Akaun berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Nur Aleesya Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2026		RM	2026		RM
Mac 1	Baki b/b	1 200	Mac 31	Pulangan jualan	300
31	Jualan	6 400		Bank	4 230
				Diskaun diberi	550
				Baki h/b	P

Berapakah nilai P pada 31 Mac 2026, jika terdapat sekeping cek bernilai RM 800 yang diperoleh daripada Kedai Aiman dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk kepada penyuruh bayar" dan RM 90 diskaun ditarik balik?

- A RM1 630
- B RM2 520
- C RM3 230
- D RM3 410

- 10 Apakah fungsi Imbangan Duga?
- A Memudahkan penyediaan Buku Catatan Pertama
 - B Menyemak ketepatan catatan bergu yang digunakan
 - C Memudahkan penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran
 - D Memastikan proses pemindahan dari lejar ke Imbangan Duga adalah tepat
- 11 Apakah catatan kontra bagi akaun modal?
- A Ambilan
 - B Rugi bersih
 - C Diskaun Diberi
 - D Pulangan Jualan
- 12 Sewa premis perniagaan Sheila Enterprise RM6 000 setahun. Pemiliknya hanya dapat menjelaskan sewa tersebut sebanyak RM4 500.
- Berapakah sewa yang perlu direkod sekiranya Asas Tunai digunakan?
- A RM10 500
 - B RM 6 000
 - C RM 4 500
 - D RM 1 500
- 13 Berikut merupakan senarai aset dan liabiliti Menang Cahaya Trading pada 30 Jun 2026.

	RM
Tunai	4 300
Bank	12 670
Alatan Pejabat	21 500
Insuran Prabayar	1 150
Komisen Belum Terperoleh	800
Pinjaman (matang pada Jan 2027)	5 600

Berapakah modal kerja bagi perniagaan tersebut?

- A RM33 200
- B RM17 320
- C RM11 720
- D RM 9 420

- 14 Mizan telah menjelaskan bayaran insurans untuk setahun sebanyak RM1 800 mulai 1 Mac 2026. Tempoh perakaunan untuk perniagaannya berakhir pada 30 September.

Catatan pelarasan yang manakah betul dalam Jurnal Am?

A

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2026			RM	RM
Sept 30	Insurans Prabayar		750	
	Insurans			750

B

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2026			RM	RM
Sept 30	Insurans		750	
	Insurans Prabayar			750

C

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2026			RM	RM
Sept 30	Insurans Prabayar		1050	
	Insurans			1050

D

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2026			RM	RM
Sept 30	Insurans		1050	
	Insurans Prabayar			1050

15 Antara berikut, yang manakah merupakan belanja?

- I Hutang lapuk
- II Hutang lapuk terpulih
- III Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu
- IV Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

16 Perniagaan Kimanis membeli sebuah kenderaan bernilai RM95 000. Penggunaannya dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh perakaunan, nilai skrap dianggarkan sebanyak RM5 000.

Berapakah susut nilai tahunan kenderaan tersebut?

- A RM10 000
- B RM 9 500
- C RM 9 000
- D RM 8 000

17 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Puan Rina.

Membeli sebuah mesin jahit bernilai RM5 600 pada 1 April 2024. Susut nilai untuk mesin jahit tersebut telah ditetapkan pada kadar 20% setahun atas kos. Puan Rina telah menjual mesin tersebut pada 30 Mac 2026 dengan harga RM2 000.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan?

- A Rugi atas pelupusan RM1 360
- B Rugi atas pelupusan RM3 600
- C Untung atas pelupusan RM1 360
- D Untung atas pelupusan RM3 600

18 Perniagaan Ashraf memberikan maklumat berikut pada 31 Disember 2025.

Insurans setahun	RM2 700
Tarikh premium insurans bermula	1 April 2025

Catatan yang manakah direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Insurans prabayar RM 675
 - B Insurans prabayar RM2 025
 - C Insurans belum bayar RM 675
 - D Insurans belum bayar RM2 025
- 19 Imbangan Duga Perniagaan Sinar tidak seimbang kerana jumlah debit melebihi jumlah kredit sebanyak RM 370.

Apakah kesilapan yang mungkin berlaku?

- A Jualan secara kredit RM 370 belum dicatatkan dalam Akaun Jualan
 - B Diskaun diberi RM 370 belum direkodkan dalam Akaun Diskaun Diberi
 - C Jualan perabot lama bernilai RM 370 belum didebitkan dalam Akaun Tunai
 - D Bayaran cek RM 370 kepada Akaun Belum Bayar tidak direkodkan dalam mana-mana buku
- 20 Baki-baki akaun pada 31 Mei 2026

	RM
Akaun Belum Terima	27 500
Peruntukan Hutang Ragu	575
Hutang Lapuk	275

Pada 31 Mei 2026, kadar peruntukan hutang ragu telah diselaraskan kepada 4% setahun atas Akaun Belum Terima Bersih.

Bagaimanakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga Terselaras?

A	Imbangan Duga Terselaras (Petikan)	
	Hutang ragu	RM 514

B	Imbangan Duga Terselaras (Petikan)	
	Hutang ragu	RM 525

C	Imbangan Duga Terselaras (Petikan)	
	Hutang ragu	RM 514

D	Imbangan Duga Terselaras (Petikan)	
	Hutang ragu	RM 525

21 Berikut ialah rumus pengiraan bagi nisbah S.

$$S = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100$$

Apakah nisbah S?

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

22 Few Sdn. Bhd. membeli barang niaga RM4 470 secara kredit dari Razor Berhad tetapi telah direkodkan sebanyak RM4 770 dalam kedua-dua akaun.

Bagaimana kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	300	
Razor Berhad		300

B

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	7 270	
Razor Berhad		7 270

C

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Razor Berhad	300	
Belian		300

D

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Razor Berhad	7 270	
Belian		7 270

- 23 Kedai Runcit Kee tidak menyimpan rekod yang lengkap. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan tersebut.

Penyata Mengira Modal pada 31 Mei 2026

	RM
P	78 360
Tolak : Q	29 400

Apakah butiran **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Aset bukan semasa	Aset semasa
B	Modal akhir	Modal awal
C	Modal awal	Modal akhir
D	Hasil	Belanja

- 24 Sistem kawalan tunai diamalkan bertujuan untuk memastikan perniagaan...
- A** Mendapatkan keuntungan
 - B** Memperoleh jualan yang maksimum
 - C** Menyimpan tunai yang banyak di tangan
 - D** Mempunyai aliran tunai yang mencukupi

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Restoran Raihan yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Julai 2026.

	1 Ogos 2025	31 Julai 2026
	RM	RM
Sewa belum bayar	1 450	1 200
Sewa sebanyak RM5 350 telah dibayar dengan cek pada 28 Julai 2026		

Berapakah jumlah sewa bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM2 700
 - B RM5 100
 - C RM5 350
 - D RM5 600
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Siti Energy Enterprise.

	RM
Baki Penyata Bank (dt)	620
Cek belum dikemukakan	4 920
Deposit belum dikreditkan	3 830

Berapakah baki akhir Buku Tunai?

- A RM 470 (debit)
- B RM 470 (kredit)
- C RM1 710 (debit)
- D RM1 710 (kredit)

- 27 Jadual berikut menunjukkan anggaran belian perabot Kedai Perabot Farid.

Bulan	RM
Mei	23 400
Jun	28 560
Julai	25 300

40% daripada jumlah belian setiap bulan ialah belian kredit yang akan dibayar pada bulan berikutnya.

Berapakah jumlah pembayaran Kedai Perabot Farid bagi bulan Jun?

- A RM 9 360
B RM11 424
C RM26 496
D RM28 560
- 28 Jika Ikatan Perkongsian tidak dibuat, Akta Perkongsian 1961 menyatakan
- A Nisbah pembahagian untung rugi mengikut nisbah modal
B Faedah atas ambilan 8% setahun
C Pekongsi tidak menerima gaji
D Tiada faedah atas pinjaman
- 29 Komponen-komponen Ekuiti Pemilik dalam perniagaan perkongsian terdiri daripada ...
- A Akaun Modal dan Untung Bersih
B Akaun Modal dan Akaun Semasa
C Akaun Modal, Akaun Semasa dan Untung Bersih
D Akaun Modal, Akaun Semasa dan Akaun Ambilan
- 30 Apakah kelebihan yang diperoleh oleh pemegang Syer Biasa berbanding Syer Keutamaan?
- A Berhak menerima tunggakan dividen
B Kadar dividen yang diterima adalah tetap
C Mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
D Mendapat keutamaan menuntut modalnya apabila perniagaan dibubarkan

31 Ikatan Perkongsian M&M bersetuju membayar gaji kepada Murni sebagai pengurus sebanyak RM1 300 setiap bulan. Pada akhir tempoh perakaunan, gaji Murni telah tertunggak selama 2 bulan.

Catatan manakah merujuk kepada penyataaan di atas?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	15 600	Akaun Semasa Murni	2 600
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 600	Akaun Semasa Murni	15 600
C	Akaun Semasa Murni	2 600	Akaun Pengasingan Untung Rugi	15 600
D	Akaun Semasa Murni	15 600	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 600

32 Apakah catatan yang betul untuk merekod kenderaan yang diambil alih oleh pekongsi semasa proses pembubaran?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Realisasi	Modal
B	Kenderaan	Modal
C	Modal	Realisasi
D	Modal	Kenderaan

- 33 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Permata Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	RM
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	4 000 000
1 000 000 unit Syer Biasa	500 000
	<u>4 500 000</u>

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen syer biasa sebanyak RM0.50 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM370 000
 - B RM490 000
 - C RM620 000
 - D RM740 000
- 34 Antara urusan niaga berikut, manakah merupakan pendapatan modal bagi sebuah kelab?
- A Kutipan yuran pertandingan
 - B Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab
 - C Menerima komputer hasil derma agensi kerajaan
 - D Menerima faedah simpanan tetap daripada bank
- 35 Butiran manakah merupakan belanja langsung?
- A Sewa kilang
 - B Cap Dagangan
 - C Kos bahan mentah
 - D Gaji operator pengeluaran

36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Memanah pada 1 Januari 2025.

	RM
Yuran Belum Terima	700
Yuran Belum Terperoleh	950

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

	RM
Yuran 2024	520
Yuran 2025	12 500
Yuran 2026	550

Maklumat Tambahan:

(i) Yuran tahun 2024 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah yuran lapuk tersebut?

- A RM 150
- B RM 180
- C RM 400
- D RM 430

37 Maklumat berikut diperoleh daripada Bendahari Kelab Aerodance Euroforia.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Yuran belum terima	120	-
Yuran belum terperoleh	50	75

Maklumat tambahan:

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2025 ialah RM2 350.

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM2 205
- B RM2 355
- C RM2 445
- D RM2 495

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Suri Taman Mesra pada 31 Disember 2025?

	RM
Dana Terkumpul 1 Januari 2025	120 000
Kurangan	4 800
Derma pembinaan rumah kelab	70 000
Belanja membaiki rumah kelab	4 200

Berapakah Dana Terkumpul akhir?

- A RM 41 000
- B RM 45 200
- C RM181 000
- D RM185 200

- 39 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Perabot Global pada 31 Disember 2025.

	RM
Alatan kilang	75 000
Gaji buruh langsung	8 800
Sewa kilang	6 300

Maklumat Tambahan:

- i. Susut nilai Alatan Kilang 10% setahun atas kos.
- ii. Sewa belum bayar RM1 700.

Berapakah kos overhead?

- A RM12 100
- B RM15 500
- C RM20 900
- D RM24 300



- 40 Kilang Samudera Hikmat mengeluarkan sos cili jenama HIKMAT dengan harga jualan RM 5.00 sebotol.

Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran sos cili tersebut.

Kos tetap	RM15 000
Kos berubah sebotol	RM 2.60

Hitung bilangan botol yang perlu dikeluarkan jika untung yang disasarkan ialah RM9 000.

- A 1 200 botol
- B 2 500 botol
- C 4 800 botol
- D 10 000 botol

KERTAS TAMAT
